

# MRT sains perjanjian

**M**RT Corporation (MRT Corp) menandatangani perjanjian titik lokasi (POA) dengan enam pemilik tanah termasuk satu hotel bajet di Jalan Sultan, Kuala Lumpur bagi urusan pembinaan projek My Rapid Transit (MRT).

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, perjanjian itu akan membentuk asas bagi penyelesaian kepada semua pihak.

“Perjanjian ini langkah pertama ke arah perjanjian bersama yang akan mempercepatkan pelaksanaan projek infrastruktur awam terbesar negara yang memberi manfaat kepada rakyat.

“Kami berterima kasih dan bersyukur kepada pemilik tanah yang meletakkan kepercayaan kepada MRT Corp selain maklum balas mereka kepada tawaran kami menyelesaikan isu tanah ini,” katanya.

Antara syarat POA itu ialah penarikan tawaran pengambilalihan tanah sebaik persetujuan selesai dan jaminan tiadanya pemusnahan bangunan sedia ada.